MIELEN BALAKRISHNAN
lwn.
MALAYAN BANKING BHD & YANG LAIN

Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur
Zulhazmi Abdullah HMS
[Saman No: WA-A52NCVC-409-05/2019]
30 Julai 2020

Kaunsel:
Bagi pihak plaintif: Kohila Yanasekaran; Tetuan Kohi & Associates
Bagi pihak defendan pertama: Wan Azhab Wan Din (Huzir Shamsul Bahrin bersamanya)
Bagi pihak defendan kedua: Steven CF Wong (Muhammad Fazreen Abu Bakar & Ng Kean Yip bersamanya)
Bagi pihak defendan ketiga: Ranjini Anndy (Mishalini Rajasegaran bersamanya)

[Tuntutan ditolak.]

PENGHAKIMAN

Zulhazmi Abdullah HMS:

[1] TINDAKAN INI telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 12, 13, 14 Februari 2020 dan 2 March 2020 di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Tuan Zulhazmi bin Abdullah dalam kehadiran Kohila a/p Yanasekaran peguamcara bagi pihak Plaintif, Wan Azhab Wan Din (Huzir bin Shamsul Bahrin bersamanya) peguamcara-peguamcara bagi pihak Defendan Pertama, Steven CF Wong (Muhammad Fazreen bin Abu Bakar dan Ng Kean Yip bersamanya) peguamcara-peguamcara bagi pihak Defendan Kedua dan Ranjini a/p Anndy (Mishalini Rajasegaran bersamanya) peguamcara bagi pihak Defendan Ketiga DAN SETELAH MEMBACA ikatan pliding, Hujahan Bertulis Plaintif bertarikh 5 Mei 2020, Hujahan Bertulis Defendan Pertama bertarikh 15 Jun 2020, Hujahan Bertulis Defendan Kedua bertarikh 15 Jun 2020 dan Hujahan Bertulis Defendan Ketiga bertarikh 3 Jun 2020. dan Jawapan Plaintif kepada Hujahan Bertulis Defendan-Defendan bertarikh 26 Jun 2020, Jawapan Defendan-Defendan kepada Hujahan Bertulis Plaintif dan Hujahan Balas Defendan Ketiga terhadap Hujahan Defendan Pertama berkenaan Indemniti bertarikh 25 Jun 2020 dan Jawapan Lanjutan Defendan Kedua terhadap Hujahan Balas Plaintif bertarikh 8 Julai 2020 yang kesemuanya difailkan di sini dan seteah mendengar keterangan daripada saksi-saksi pihak Plaintif dan pihak Defendan-Defendan DAN tindakan ini ditangguhkan untuk keputusan pada 30 Julai 2020 di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Tuan Zulhazmi bin Abdullah dalam kehadiran Kohila a/p Yanasekaran peguamcara bagi pihak Plaintif, Wan Azhab Wan Din peguamcara bagi pihak Defendan Pertama, Muhammad Fazreen bin Abu Bakar, peguamcara bagi pihak Defendan Kedua dan Ranjini a/p Anndy peguamcara bagi pihak Defendan Ketiga.

[2] MAKA ADALAH PADA HARI INI DIHAKIMKAN bahawa:

1. Tuntutan Balas Defendan Pertama terhadap Plaintif ditolak;

2. Tuntutan Plaintif terhadap Defendan Kedua dan Defendan Ketiga ditolak;

3. Perjanjian Sewa Beli antara Plaintif dan Defendan Pertama bertarikh 10 Februari 2017 dibatalkan;

4. Plaintif diperintah mengembalikan kenderaan pick up tersebut serta merta kepada Defendan Pertama sebagai Pemilik;

5. Untuk mengembalikan Plaintif kepada kedudukan asalnya sebelum memasuki perjanjian Sewa -Beli tersebut, maka Defendan Pertama diperintahkan membayar kepada Plaintif, wang deposit yang berjumlah RM29,024.73 dan ditolak 10% setahun dari jumlah tersebut kerana susut nilai iaitu yang berjumlah RM21,159.04 sahaja;

6. Tuntutan-tuntutan gantirugi lain Plaintif tidak dibenarkan;

7. Jumlah wang deposit yang bersamaan dengan jumlah RM29,024.73 setelah ditolak 10% setahun susut nilai tersebut yang berjumlah RM21,159.04 dibenarkan ditanggungrugi / indemniti sepenuhnya oleh Defendan Ketiga dan dibayar kepada Defendan Pertama;

8. Tuntutan Defendan Pertama terhadap Defendan Ketiga untuk jumlah RM144,024.73 tidak dibenarkan; dan

9. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

METERAI MAHKAMAH SESYEN KUALA LUMPUR

SARA ZURIATI BINTI ZAHARIFUDIN

Penolong Pendaftar
Mahkamah Sesyen
Kuala Lumpur

PENGHAKIMAN ini difailkan oleh TETUAN KOHI & ASSOCIATES, beralamat di No 57-3, Jalan Thambipillay 50470 Brickfields, Kuala Lumpur.

[No Ruj: KA/006/BC/2019/]

Tel: 03-22764111 / Faks: 03-22760111

Email: kohiassociate@gmail.com